



No. Ruj.: DOF.UKK.11/02/09-1/1 Jld. 2 (14)

SIARAN MEDIA

DOF PERKUKUH KONSERVASI SUMBER MARIN DEMI KELESTARIAN BIODIVERSITI DAN SOKONGAN KEPADA TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

KUALA LUMPUR, 22 FEBRUARI 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berbesar hati menyokong Majlis Penganugerahan Organisasi Konservasi, Mission Blue Award 2025, yang diadakan sempena Ekspo Diving, Resort & Travel (DRT) 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Anugerah ini diberikan kepada tujuh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi mereka dalam pemuliharaan ekosistem marin di Malaysia. Majlis ini disempurnakan oleh YBrs. Puan Yeo Moi Eim, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) DOF, yang menekankan peranan penting NGO dalam menjalankan promosi advokasi, meningkatkan kesedaran masyarakat, serta memantau ekosistem marin secara berterusan.

“Jabatan Perikanan Malaysia menghargai dan menyokong usaha NGO dalam memperkukuh perlindungan biodiversiti marin negara. Pengiktirafan ini adalah tanda penghargaan kepada mereka yang komited dalam pemuliharaan biodiversiti marin untuk generasi akan datang,” ujar Puan Yeo Moi Eim.

Tujuh NGO yang menerima pengiktirafan adalah Diveheart Malaysia, Perhentian Marine Research Station, Sea Turtle Research Unit (SEATRU), Reef Check, Save Our Seahorses (SOS) Malaysia, Bubble Turtle Conservation dan Shark Saver Malaysia. Sebagai agensi utama dalam pemeliharaan sumber marin, DOF terus melaksanakan pelbagai inisiatif konservasi seperti pembangunan tukun tiruan, pelepasan penyu, restorasi terumbu karang, serta pelepasan benih ikan bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), sebanyak 281 tukun tiruan telah dilabuhkan dengan kos RM8.58 juta. Bagi RMK-13, sebanyak 10 tapak tukun tiruan dicadangkan untuk dilabuhkan setiap tahun. Kajian oleh Institut Sains Marin Asia Tenggara (ISMAT) mendapati biojisim ikan di kawasan tukun tiruan meningkat antara 129 kg hingga 6,047 kg, membuktikan keberkesanannya dalam menyokong ekosistem marin.

DOF turut mempergiatkan program pelepasan anak penyu, dengan kejayaan melepaskan sebanyak 253,499 ekor anak penyu ke laut pada tahun 2024. Selain itu, peraturan larangan pengambilan telur penyu serta penggunaan alat penyisih penyu (TED) dalam operasi perikanan pukat tunda musim tengkujuh terus diperkuatkan untuk mengurangkan risiko spesies terancam terperangkap dalam aktiviti perikanan.

Selain itu, DOF menerbitkan enam garis panduan konservasi meliputi pemulihan terumbu karang, pemantauan tapak selam, serta tindakan respons terhadap kelunturan terumbu. Keberkesanan program restorasi terumbu karang juga terbukti apabila lebih 10% kawasan terumbu yang terjejas akibat perubahan iklim dan pencemaran berjaya dipulihkan.

Projek Kelestarian dan Kesihatan Sumber telah diluluskan dengan peruntukan RM35.0 juta di bawah RMKe-12 bagi memastikan pengurusan sumber perikanan dan ekosistem yang lebih sistematik. Antara skop utama termasuk Program Inventori Bersepadu Sumber Perikanan (RM3.33 juta) yang mengumpul data mengenai spesies dan faktor ekosistem bagi mengenal pasti laluan migrasi spesies terancam serta memastikan pemuliharaan biodiversiti marin. Selain itu, sub-projek Kelestarian Sumber dalam Peningkatan Kemakmuran Sosioekonomi Komuniti memberi tumpuan kepada penglibatan komuniti, termasuk masyarakat Orang Asli, melalui program stewardship dan co-management bagi meningkatkan taraf hidup serta melestarikan sumber marin. Projek ini turut membangunkan peranti pemuliharaan seperti tukun tiruan dan Fish Aggregating Device (FAD) bagi memulihkan habitat marin dan meningkatkan stok ikan negara.

Penggunaan teknologi juga diperluaskan menerusi Pengurusan IoT ke Arah Pemerkasaan Sumber 4.0, yang mengaplikasikan sistem automatik bagi pemantauan status alam sekitar secara langsung. Dalam aspek konservasi, sub-projek Konservasi dan Rehabilitasi Sumber Perikanan menumpukan kepada pemulihan habitat kritikal dengan pendekatan Environmental Sensitivity Index (ESI) dan Total Economic Value (TEV).

Bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2026, usaha pemuliharaan ini juga selari dengan sasaran kerajaan dalam meningkatkan daya tarikan ekopelancongan negara. Perlindungan ekosistem marin yang mampan bukan sahaja menyokong biodiversiti tetapi juga menjadi tarikan utama bagi pelancong tempatan dan antarabangsa yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi Malaysia. Pelbagai program kesedaran dan fasilitasi komuniti akan terus dipergiatkan bagi memastikan kelestarian taman laut dan ekosistem marin negara.

Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia juga berperanan dalam memperkukuhkan kerjasama serantau bagi pemuliharaan biodiversiti marin. Malaysia akan mengetuai inisiatif ASEAN dalam menangani isu degradasi ekosistem laut dan memastikan pengurusan sumber perikanan yang lestari. Ini seiring dengan komitmen negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 14: Hidupan Laut, yang memberi penekanan kepada pemuliharaan dan penggunaan sumber laut secara lestari.

Ekspo Diving, Resort & Travel (DRT) 2025, yang berlangsung dari 21 hingga 23 Februari 2025, menjadi platform penting dalam menghimpunkan pakar industri, penyelam, penggiat ekopelancongan, serta pencinta alam sekitar. Sejak diperkenalkan pada tahun 2009, DRT SHOW telah berkembang menjadi pameran menyelam terbesar di rantau Asia Pasifik, dengan penyertaan pelbagai organisasi dari seluruh dunia. DOF mengalu-alukan lebih banyak kerjasama strategik antara NGO, sektor swasta, dan komuniti bagi memastikan usaha pemuliharaan marin terus diperkasakan demi kesejahteraan generasi akan datang.

-TAMAT-

Pautan gambar:

<https://drive.google.com/drive/folders/1Y1Cx8XK4VGjnUDgtCc5HVbAzVorRB6bd>

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my